

Dengan usaha gigih kita akan dapat tawan semula Kelantan — Mahathir

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin, dengan usaha yang gigih, UMNO akan dapat menawan semula Kelantan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keyakinannya itu berdasarkan keputusan pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Sungai Pinang dan Limbungan yang menunjukkan peningkatan pada jumlah undi UMNO.

"Kita telah mengenalpasti punca kekalahan di kedua-

dua kawasan itu dan berpuas hati dengan prestasi yang dicapai.

"Dengan usaha yang lebih gigih kita yakin dapat men capai kemenangan dalam pilihanraya akan datang," tegasnya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Inilah komen pertama Perdana Menteri mengenai keputusan pilihanraya kecil kedua-dua kawasan berkenaan.

Dalam pilihanraya kecil

itu, calon-calon Semangat 46 berjaya mengekalkan kerusi di kedua-dua kawasan dengan menewaskan calon-calon Barisan Nasional dari UMNO.

Bagaimanapun majoriti kedua-dua calon Semangat 46 itu berkurangan berbanding dengan majoriti yang diperolehi dalam pilihanraya umum tahun lalu.

Sementara itu, MT UMNO hari ini menerima permohonan ahli Parlimen Machang, Encik Ahmad Shukri Haji Hassan beserta 2,767 bekas ahli Semangat

46 daripada Pasir Mas menyertai UMNO.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengumumkan bahawa MT telah menerima permohonan bekas Setiausaha Semangat 46 Kelantan, Encik Kassim Mohamad sebagai ahli parti. "Keputusan menerima permohonan mereka itu dicapai dalam mesyuarat MT petang ini," katanya.

Pada 19 Ogos lalu, Encik Ahmad Shukri yang juga Ketua Semangat 46 Machang bersama 400 penyokongnya mengisytiharkan keluar dari Semangat 46 dan menyertai UMNO.